

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YANG BERUSAHA EN. TUAH ANAK SUNI
RESIDEN BAHAGIAN SERIAN**

BERSEMPENA DENGAN

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN
(DSK) SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2022
PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

TARIKH:

18 JUN 2022 (SABTU)

TEMPAT:

DEWAN KAMPUNG STABUT, SERIAN

Salutation

- 1) Yang Berusaha Ts. Mohamad Zaihan Bin Hj. Lek
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak
- 2) Yang Berusaha Ir. Robin Tigai
General Manager, HSE
Sarawak Energy Berhad
- 3) Yang Berusaha En. Ranum Bari
Pemangku Pegawai Daerah Siburan
Pejabat Daerah Kecil Siburan
- 4) Yang Berusaha En. Saoh Anak Lusek
Ketua Kaum Kampung Stabut
- 5) Wakil-wakil Jabatan Persekutuan dan Negeri
- 6) Para pegawai dari Sarawak Energy Berhad
- 7) Ketua-ketua kaum, ketua-ketua masyarakat
- 8) Para penduduk Kampung Stabut dan kampung-kampung berhampiran
- 9) Pengamal media
- 10) Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian

Salam Sejahtera dan Selamat pagi.

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Sarawak Energy Berhad kerana sudi menjemput saya untuk melancarkan Majlis Pelancaran Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022 Peringkat Negeri Sarawak di Dewan Kampung Stabut, Serian pada hari ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua penduduk Kampung Stabut yang sudi meluangkan masa menghadiri program ini. Saya amat berbesar hati kerana kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini bagi menyahut seruan Kerajaan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Hadirin sekalian,

HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2022

3. Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada 5 Jun setiap tahun merupakan salah satu platform untuk menjangkau kesedaran alam sekitar di kalangan komuniti. Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini disambut dengan tema *Only One Earth* yang menekankan keperluan untuk hidup secara mampan dan harmoni dengan alam sekitar melalui perubahan transformasi – melalui polisi dan pilihan kita ke arah gaya hidup yang bersih dan hijau (cleaner and greener lifestyles). *Only One Earth* merupakan moto Stockholm Conference pada tahun 1972, dan setelah 50 tahun berlalu, moto tersebut masih relevan – iaitu planet inilah satu-satunya rumah kita yang mana segala sumbernya perlu kita jaga.

4. Pada tahun 2020, kita menghadapi pandemik Covid-19 di samping isu-isu global lain seperti perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan pencemaran. Ini menunjukkan salah satu bukti bahawa bumi berada pada tahap kritikal. Jalan keluar daripada dilema ini adalah dengan mengubah gaya hidup masyarakat supaya mesra alam. Perubahan harus dilakukan oleh masyarakat agar tidak terus memberi kesan kepada planet ini.

Hadirin sekalian

PENCEMARAN AIR

5. Pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim global, adalah antara faktor terjadinya krisis berkaitan air di seluruh dunia. Kejadian banjir, kemarau dan pencemaran telah menjadikan krisis air menjadi bertambah buruk. Sebagai contoh, kes pencemaran yang berlaku di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang pada tahun 2019 yang bukan sahaja menjejaskan kualiti air, ianya turut memberi kesan kepada kesihatan masyarakat yang tinggal berdekatan sungai tersebut sehingga menyebabkan kemasukan ke hospital dan menyebabkan sekolah-sekolah ditutup. Apabila kita mula mengabaikan penjagaan alam sekitar, bukan sahaja usaha penyediaan bekalan dan usaha bagi memastikan setiap rakyat mendapat akses kepada bekalan air bersih akan bertambah sukar, bahkan kesihatan dan kehidupan rakyat sendiri akan turut terjejas.

6. Apabila air sudah mula tercemar, ianya juga akan memberikan impak kepada habitat dan kualiti kehidupan ikan dan haiwan lain. Pencemaran air boleh terjadi disebabkan kehadiran patogen (kebanyakan daripada sisa buangan manusia dan haiwan), bahan organik (termasuk nutrien daripada tumbuhan yang berpunca daripada larian air hasil pertanian seperti nitrogen atau fosforus), bahan kimia dan *salinity* (daripada pengairan, sisa air domestik dan air larian dari perlombongan ke sungai). Pencemaran sisa plastik dan sisa farmaseutikal yang semakin meningkat juga menyumbang kepada kemerosotan kualiti sumber air.

Hadirin sekalian

USAHA MENANGANI PENCEMARAN AIR

7. Air merupakan sumber bumi yang amat berharga dan perlu di uruskan sebaik mungkin bagi memastikan ia kekal tersedia bukan hanya untuk menyokong usaha pembangunan negara tetapi turut membantu mengekalkan ekosistem serta memastikan kelestarian dan jaminan sumber air di masa sekarang dan akan datang. Permintaan ke atas air semakin meningkat selaras dengan perkembangan pesat kemajuan negara-negara di dunia dan populasi manusia yang semakin bertambah menjadikan kekurangan air sebagai salah satu cabaran utama di kebanyakan negara. Dalam laporan Pertubuhan Air Dunia menyatakan bahawa pada masa kini permintaan terhadap air telah meningkat lebih tiga kali ganda sejak tahun 1950 berbanding penambahan populasi dunia sebanyak dua kali ganda. Ini bermakna permintaan air dunia telah meningkat seiring dengan kemajuan hidup dan teknologi moden.

8. Negara kita Malaysia sangat bertuah kerana dilimpahi dengan sumber air tawar dengan purata tahunan 324 bilion meter padu air hujan. Berikutan daripada itu, usaha penggubalan dasar dan penyediaan langkah-langkah tertentu telah dan sedang diambil untuk memastikan penggunaan sumber air berpandukan prinsip-prinsip pengurusan untuk pengekalan sumber air secara berpanjangan. Usaha ini adalah untuk memastikan sumber air mencukupi dan selamat untuk diminum disamping memastikan bekalan air diterima oleh semua sektor pengguna iaitu domestik, industri, pertanian, penternakan dan perikanan.

Hadirin sekalian,

PENUTUP

9. Sungai ialah khazanah sumber air yang perlu dilindungi supaya fungsinya dapat dimanfaatkan oleh semua makhluk yang hidup di dunia ini. Antara fungsi utama sungai ialah membekalkan sumber air bersih kepada manusia untuk kegunaan semua sektor. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab kita sebagai penduduk di bumi ini, bagi memastikan sumber air yang ada dilestarikan dan sentiasa mencukupi, agar manfaatnya dapat dirasakan generasi masa depan.

10. Saya juga mengambil kesempatan ini menyeru kepada semua pihak berkepentingan agar memberi perhatian, tumpuan serta mengambil tindakan yang berterusan demi memastikan pengurusan sumber air negara ini dilaksanakan secara lestari bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat. Harapan saya agar program seperti ini dapat diteruskan lagi di masa-masa akan datang serta ditambahbaik dengan pengisian-pengisian program yang lebih pelbagai serta memberikan impak yang lebih besar.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Sarawak Energy Berhad serta semua agensi-agensi kerajaan dan para penduduk Kampung Stabut yang terlibat bagi menjayakan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada hari ini. Semoga Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini dapat menyemai dan meningkatkan kesedaran kita semua untuk sama-sama menjaga sumber air dan alam sekitar untuk manfaat kita bersama.

12. Saya ingin memetik kata Amit Kalantri, seorang penulis India: “A river doesn’t just carry water, it carries life”. Marilah kita bersatu hati dan berganding bahu dalam usaha melestarikan alam sekitar yang merupakan tempat tinggal kita bersama. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Majlis Pelancaran Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022 Peringkat Negeri Sarawak

“ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Sekian, terima kasih.